

Bacaan IPU Sarawak pada tahap sederhana

KUCHING - Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Sarawak secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana setakat pukul 8 malam semalam.

Stesen Pengawasan Udara Automatik yang terletak di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri mencatat penurunan bacaan IPU iaitu dari IPU 92 pada 9 pagi kepada IPU 91 yang diklasifikasikan pada tahap sederhana.

Menurut data yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), bacaan IPU di SK Kuala Baram 2 sedikit peningkatan dan turut berada dalam kategori sederhana iaitu daripada bacaan 63 pada pukul 9 pagi kepada 64.

Seterusnya, keadaan jerebu di Sri Aman juga berada dalam keadaan sederhana dengan bacaan IPU 60. Bacaan IPU di Sibul, Miri dan Kuching pula kekal pada kategori sederhana



PESAWAT Bombardier CL415 digunakan untuk mengawal kebakaran tanah gambut di Kuala Baram, Miri.

dengan masing-masing pada bacaan IPU 61, 61 dan 73.

Sementara itu, IPU di Rompin, Pahang mencatatkan tahap tidak sihat dengan bacaan 173.

Mengikut data Indeks Pencemaran Udara Malaysia

(APIMS) yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia, bacaan di kawasan itu terus menunjukkan tahap tidak sihat sejak pukul 7 malam kelmarin.

Sebanyak 54 kawasan lain turut mencatatkan bacaan IPU pada tahap sederhana antara-

nya di Seberang Jaya, Pulau Pinang; Cheras, Kuala Lumpur; Putrajaya; Shah Alam, Selangor dan Seremban, Negeri Sembilan.

Sebanyak 13 kawasan antaranya Kangar, Perlis; Langkawi, Kedah; Taiping, Perak dan Besut, Terengganu pula merekodkan bacaan IPU pada tahap baik.

Dalam pada itu, Kota Bharu, Kelantan mencatatkan peningkatan daripada IPU 47 (tahap baik) kepada IPU 52 (sederhana) manakala di Limbang, Sarawak pula menunjukkan pemulihan dengan peningkatan daripada tahap sederhana ke tahap sihat.

Orang awam boleh merujuk laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar, MyIPU di Google Play bagi mendapatkan bacaan IPU terkini pada setiap jam.

INFO Petunjuk IPU

Tahap baik

- Kangar, Perlis (28)
- Langkawi, Kedah (34)
- Besut, Terengganu (42)

Tahap sederhana

- Taiping, Perak (51)
- Seberang Jaya, Pulau Pinang (55)
- Cheras, Kuala Lumpur (63)
- Putrajaya (61)
- Shah Alam, Selangor (64)
- Seremban, Negeri Sembilan (62)
- ILP Miri, Sarawak (91)
- SK Kuala Baram 2, Sarawak (64)
- Sri Aman, Sarawak (60)
- Sibul, Sarawak (61)
- Miri, Sarawak (61)
- Kuching, Sarawak (73)

Tidak sihat

- Rompin, Pahang (173)
- 0 hingga 50 (baik)
- 51 hingga 100 (sederhana)
- 101 hingga 200 (tidak sihat)
- 201 hingga 300 (sangat tidak sihat)
- Lebih 300 (bahaya)
- Setakat pukul 6 petang semalam